

06/11/1997

Dakwah perlu sandaran jitu

min Darus; Hazirah Che Sab

ORGANISASI dakwah disaran menyedia dan menggabungkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang bagi tujuan penyelidikan supaya khidmat berdakwah yang dilaksanakan lebih diasaskan kepada bukti jitu.

Menurut Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Mohd Shahir Abdullah, ketika ini kekurangan kajian dan penyelidikan menjadi salah satu punca kelemahan organisasi dakwah hingga menyebabkan ucapan dan pandangan tokoh dakwah tidak diasaskan kepada bukti kukuh, sebaliknya kepada anggapan dan kata-kata emosi.

Beliau berkata, ada juga organisasi dakwah seperti dipergunakan oleh pihak tertentu untuk mencapai tujuan peribadi dengan menyalahi matlamat asalnya berdakwah untuk kebaikan Islam.

"Organisasi dakwah di negara ini hendaklah mengatur dan melaksanakan strategi yang berkesan dan tepat dalam batas serta ruang yang ada bagi mengatasi masalah sosial yang timbul, bukan angan-angan kosong yang sukar diukur."

"Ini penting kerana lazimnya objektif badan dan organisasi dakwah lebih kepada satu abstrak sehingga sukar bagi sesebuah organisasi mengukur dan mengenalpasti setiap kejayaan atau kegagalan hasil usaha mereka atau sumbangan pihak lain."

"Organisasi dakwah itu mesti mengenal pasti kumpulan sasarannya secara lebih tepat dan terperinci, baik dari segi bilangan, lokasi, kumpulan umur, jantina supaya tumpuan program lebih memusat kepada kumpulan berkenaan."

"Dengan keberkesanan program, ia dapat diukur, dinilai dan dikenal pasti sebab-sebab kejayaan atau kegagalan," katanya dalam kertas kerja bertajuk 'Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah' yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Dakwah Dan Perubahan Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Seminar anjuran bersama Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan UKM, Institut Dakwah dan Latihan Islam (Indah) dan Jakim dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul.

Mohd Shahir berkata, organisasi dakwah juga mesti tahu dan cekap memilih pendekatan sesuai bagi setiap kumpulan sasar yang dipilih itu kerana budaya hidup sesuatu kelompok masyarakat itu berbeza-beza.

Pendekatan yang sama bagi semua kumpulan sasar adalah kurang berkesan atau gagal.

Beliau juga mengingatkan organisasi dakwah supaya menerima kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan fikiran terbuka, bukan membenci serta menolak kemajuan yang ada.

Sikap menolak arus itu katanya, akan merugikan umat Islam dan menyempitkan saluran atau media dakwah yang sebenarnya terbuka luas.

"Organisasi dakwah perlu melengkapkan diri dengan peralatan canggih selaras kemajuan sains dan teknologi terkini."

"Manakala, pengendali organisasi dakwah pula mesti berkemampuan dan berupaya mengendalikan alat teknologi canggih," katanya.

Mohd Shahir berkata, organisasi dakwah juga mesti bersatu dan mencari jalan ke arah penyelerasan tugas masing-masing dan mengetepikan kepentingan peribadi yang boleh merugikan Islam.

Katanya, selagi organisasi dakwah berpecah dan berkelompok, sukar bagi Islam untuk muncul dengan cemerlang.

"Sebenarnya sikap membawa diri dan tidak mahu melaksanakan tugas secara bersepadu adalah kejayaan kepada musuh Islam."

"Sikap itu bertentangan dengan ajaran Islam yang sentiasa menyeru umatnya bersatu dalam segala tindakan dan perjuangan," katanya.

(END)